

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**SWM ENVIRONMENT ANJUR PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI SEMPENA**

**KEMPEN 'WORLD CLEAN-UP DAY 2019'**

---

**TANJUNG BIDARA, 21 SEPTEMBER 2019:** Syarikat konsesi Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, **SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment)** dengan kerjasama Impactlution dan para sukarelawan setempat, hari ini telah menganjurkan program pembersihan pantai bertemakan “Southern Synergy For Our Ecology” (**Sinergi Untuk Ekologi Bersama**) yang berlangsung serentak di 3 negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

“Program yang julung kali diadakan ini adalah bagi meraikan acara global ‘World Clean-Up Day 2019’ yang disambut bersama pada tahun ini dengan tujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga kebersihan pantai demi kelangsungan ekologi hidupan marin”, kata Dr. Al’ Ashari Hj. Othman, Pengurus Wilayah Melaka & Negeri Sembilan.

Program ini disertai seramai 100 orang sukarelawan di setiap lokasi pantai yang terlibat. Pihak SWM Environment turut mengadakan Kaunter Kutipan Kitar Semula sepanjang program berlangsung dan penduduk setempat juga berpeluang menghantar barangan kitar semula mereka serta mendaftarkan diri bersama KITAR3cycle sekaligus mendapat mata ganjaran.

“Kerajaan Negeri Melaka amat mengalu-alukan program yang melibatkan kebersihan seperti ini. Seiring dengan *hashtag* #IniRumahKita yang diilhamkan oleh YAB Tuan Adly Bin Zahari Ketua Menteri Melaka, pihak Kerajaan Negeri Melaka sentiasa komited dalam memastikan kebersihan negeri Melaka berada pada tahap tertinggi. Syabas dan tahniah diucapkan kepada SWM Environment atas penganjuran program Pembersihan Pantai pada hari ini”, kata Yang Berhormat Datuk Tey Kok Kiew, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Melaka.



Orang ramai digalakkan meneruskan usaha menjaga kebersihan dan keharmonian persisiran pantai agar ekologi kita dipelihara dengan baik. Diharapkan dengan pelbagai inisiatif kitar semula ini dapat dipraktikkan dan sekaligus mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah.

Disamping itu, pihak SWM Environment juga menggalakkan orang ramai untuk memanfaatkan perkhidmatan kutipan barangan kitar semula SWM Environment untuk meraih pulangan yang ditawarkan menerusi program KITAR3cycle yang memberi ganjaran bagi 35 jenis barangan kitar semula. Orang ramai boleh mendaftar sebagai ahli KITAR3cycle melalui aplikasi KITAR3cycle yang boleh dimuat turun dari Google Play dan Apps Store.

**TAMAT.**

---

## **FAKTA**

### **SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. ("**SWM Environment**") merupakan sebuah syarikat konsesi yang dilantik melalui perjanjian konsesi di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007 (Akta 672) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. SWM Environment menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bersepadu secara menyeluruh, terancang, kos efektif dan berkesan melalui aplikasi teknologi tinggi dan mesra alam yang terkini demi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatannya. SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, kenderaan serta jentera melebihi 1,000 buah pelbagai jenis kegunaan untuk berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih dari 5.1 juta orang bagi liputan geografi yang berkeluasan 27,560 kaki persegi. Sila layari laman web: [www.swm-environment.com](http://www.swm-environment.com) untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

**Noor Che Wah Ramli**

**Eksekutif Jabatan Komunikasi Korporat**

**SWM Environment Sdn Bhd**

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250, Melaka.

Tel : 06-3350116

Faks : 06-3350117

Email : [wah.ramli@swmsb.com](mailto:wah.ramli@swmsb.com)